

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)63**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

63. Apakah pembinaan tempat simpanan abu mayat dan peluasan kubur Cina telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri walaupun mendapat tentangan daripada penduduk tempatan yang 100 peratus beragama Islam?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

63. Kerajaan Negeri sememangnya mengambil berat mengenai isu pembinaan tempat simpanan abu mayat dan peluasan kubur Cina di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia@Pulau Pinang) akan mempertimbangkan sebarang permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan pemajuan tempat simpanan abu mayat dengan sewajarnya dan akan memastikan perkara ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri mengikut garis panduan dan peruntukan undang-undang sedia ada iaitu:

- (a) Seksyen 21 (7), Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172]: berkaitan pendengaran bantahan dari pemilik lot berjiran;
- (b) Seksyen 94, Akta Kerajaan Tempatan [Akta 171]: – berkaitan tempat perkuburan, membakar mayat dan pengeluaran mayat dari kubur; dan
- (c) Garis Panduan Kawalan Peletakan Kolumbarium, Krematorium, *Funeral Parlour*, Pembuatan dan Penjualan Keranda di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Ini termasuklah pematuhan pada kehendak agensi teknikal sebelum permohonan tersebut dipertimbangkan.

Bagi sebarang pemajuan seperti pembinaan kubur adalah tertakluk pada Permohonan Kebenaran Merancang (PKM). Namun, merujuk Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSN2030), pemajuan kubur dibenarkan dalam Kawasan Keutamaan Pembangunan 1, 2 dan Pertanian. Kawasan Pembangunan dibahagikan pada dua (2) kawasan iaitu seperti berikut:

- (a) Kawasan Keutamaan Pembangunan 1 (KKP1); dan

ia merupakan kawasan tumpuan bina sedia ada yang telah mengalami pembangunan termasuk juga kawasan komited yang telah diluluskan untuk pembangunan. Kawasan ini diklasifikasikan sebagai KKP1 untuk memastikan pembangunan berlaku secara pendekatan jujukan (*sequential approach*) dan mengelakkan rebakan yang tidak terkawal. Pembangunan ini boleh dilakukan secara *infill* dan penumpuan kepada pembangunan *brownfield*.

Jenis-jenis pembangunan yang dibenarkan di dalam KKP1 termasuklah perniagaan, perumahan, perindustrian, infrastruktur, utiliti, kemudahan awam, kawasan lapang, kuari dan rizab-rizab kerajaan.

- (b) Kawasan Keutamaan Pembangunan 2 (KKP2);

Merupakan kawasan yang komited dan berpotensi untuk pembangunan masa hadapan. Jenis-jenis pembangunan yang dibenarkan adalah tertakluk pada Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas dan mana-mana pelan

pembangunan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Merujuk Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA), pemajuan kubur tertakluk pada penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Kategori B iaitu projek yang mempunyai impak sosial ketara yang ditetapkan oleh PLANMalaysia Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pembinaan tempat simpanan abu mayat juga perlu melalui proses PKM selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Semua PKM di PBT akan dirujuk ke lot-lot berjiran dan bantahan lot berjiran ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan sama ada bantahan tersebut diterima atau ditolak. Perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa One Stop Centre (JKOSC) untuk pertimbangan sama ada JKOSC meluluskan atau menolak PKM tersebut.

Isu berkaitan tentang daripada penduduk setempat ke atas sesuatu pembangunan yang berunsur keagamaan akan diambil perhatian yang serius dan perbincangan secara bersemuka bagi memperhalusi segala kehendak dan permintaan penduduk

tempatan bersama pihak pengusaha. Suatu keputusan yang rasional akan diambil kira sebelum sesuatu tindakan dibuat bagi menjaga keharmonian dan perpaduan penduduk setempat khususnya sentimen yang berkaitan isu keagamaan.